

# Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani Surah al-Baqarah (2: 111-115)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Siri 20. Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-88-1.

## Abstract

*Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani, Surah al-Baqarah (2: 111-115), Siri 20* merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT menafikan bahawa syurga adalah untuk orang yang beragama Yahudi dan Nasrani, tetapi untuk semua orang Islam yang beriman dengan Nabi dan Rasul yang diutuskan oleh-Nya selagi tidak tidak mansuhkan. Dalam pada itu mereka juga beramal soleh dengan ikhlas kerana-Nya. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 111-115) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima pengajaran penting yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran, iaitu kedudukan penganut agama Yahudi, Kristian, dan Islam tentang Rasul dan hak syurga; syarat penerimaan amalan manusia dan syarat masuk ke syurga di sisi Allah SWT; permusuhan agama antara Yahudi, Nasrani, dan musyrik terhadap Islam; peraturan dalam Masjid al-Haram; serta kiblat dan hukum hakam yang berkaitan.

## References

Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.

- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Daruqutni, Abu al-Hasan ‘Ali. 2004. *Sunan al-Daruqutni*. Shu‘aib Al-Arna’ut, Hasan ‘Abd al-Mun‘im Shalbi, ‘Abd al-Latif Hirzullah, & Ahmad Barhum (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Hakim, Abu ‘Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa ‘Abd al-Qadir Al-‘Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nasa’i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. ‘Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu‘jam al-Ausat*. ‘Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasani Tariq bin ‘Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa. 1998. *Al-Jami‘ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar ‘Awad Ma‘ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, ‘Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-‘Azim li bin Abi Hatim*. As‘ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A‘zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran*. ‘Abdullah bin ‘Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tawzi‘ wa al-I‘lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu‘ayb Al-Arna’ut, ‘Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, &

'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Kertas Kerja dalam Siri 22: Program Budaya al-Quran, 28hb Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas Kerja dalam Siri 23: Program Budaya al-Quran, 4hb April 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Jld. 19. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Jld. 20. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR  
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 20**

**Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani  
Surah *al-Baqarah* (2: 111-115)**

**Kamarul Azmi Jasmi**



# **SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

## **Siri 20**

### **Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Disember 2021

©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

KETINGGIAN ISLAM BERBANDING AGAMA YAHUDI DAN NASRANI  
: SURAH AL-BAQARAH (2:111-115) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 20)

ISBN 978-967-2171-88-1

1. Qur'an. Surat al-Baqarah-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam

UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,

81310 UTM Johor Bahru,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

## KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>v</i>
<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>Tafsiran Ayat</b>	<b>3</b>
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 111-113)	3
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 114)	17
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 115)	27
<b>Pengajaran Ayat</b>	<b>43</b>
Kedudukan Penganut Agama Yahudi, Kristian, dan Islam tentang Rasul dan Hak Syurga	43
Syarat Penerimaan Amalan Manusia dan Syarat Masuk ke Syurga di sisi Allah SWT	46
Permusuhan Agama antara Yahudi, Nasrani, dan Musyrik Terhadap Islam	48
Peraturan dalam Masjid al-Haram	49
Kiblat dan Hukum Hakam yang Berkaitan	49
<b>Rumusan</b>	<b>50</b>
<b>Rujukan</b>	<b>51</b>
<b>Indeks</b>	<b>55</b>
<b>Biodata Penulis</b>	<b>57</b>





## PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku

tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi**

Akademi Tamadun Islam

Universiti Teknologi Malaysia

2019

## PENGENALAN

Setelah Allah SWT mengajar sahabat tentang adab bersama Nabi Muhammad SAW dalam era penurunan wahyu serta menerangkan tentang peranan *nasikh* dan *mansukh* untuk menjadikan syariat dan hukum dalam agama Islam sebagai agama yang terbaik buat umat manusia sehingga ke hari Kiamat (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019c, 2021a), Allah SWT menerangkan pula kedudukan agama Islam merupakan agama dan syariat terbaik berbanding agama Yahudi dan Nasrani. Selain itu, Allah SWT juga memberitahu dan menunjukkan contoh *pamansukhan* kiblat umat Islam sebagai satu contoh kepada penyempurnaan agama Islam untuk umat manusia (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019d, 2021b). Firman-Nya:

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرِيًّا  
تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ  
﴿١١٣﴾ بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ  
رَبِّهِ ۖ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٤﴾ وَقَالَتِ الْيَهُودُ  
لَيْسَتِ النَّصْرِيَّةُ عَلَىٰ شَيْءٍ ۖ وَقَالَتِ الْيَهُودُ عَلَىٰ  
شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ ۗ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ  
مِثْلَ قَوْلِهِمْ ۚ فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا  
فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٥﴾ وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن مَّنَعَ مَسْجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ

فِيهَا أَسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَن  
يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي  
الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾ وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا  
فَشَرَّ وَجْهٍ لِلَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

Maksud: Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula, “Tidak sekali-kali akan masuk Syurga melainkan orang yang beragama Yahudi atau Nasrani.” Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah (wahai Muhammad), “Bawalah kemari keterangan yang (membuktikan kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang yang benar.” (111) (Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (112) Dan orang Yahudi berkata, “Orang Nasrani itu tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar),” dan orang Nasrani pula berkata, “Orang Yahudi tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar).” Padahal mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil). Demikian juga orang (musyrik dari kaum Jabiliyah) yang tidak berilmu pengetahuan, mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu. Maka Allah akan menghukum (mengadili) antara mereka pada hari kiamat mengenai apa yang mereka berselisihan padanya. (113) Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid Allah untuk (solat dan) menyebut nama Allah di dalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid itu? orang yang demikian, tidak sepatunya masuk ke dalam masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan

*itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar. (114) Dan Allah jualah yang memiliki Timur dan Barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi sentiasa Mengetahui. (115)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 111- 115)

Perbincangan tafsiran ayat dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu tafsiran surah *al-Baqarah* (2: 111-113), surah *al-Baqarah* (2: 114), dan surah *al-Baqarah* (2: 115). Pada bahagian akhir terdapat perbincangan pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsir ayat.

## TAFSIRAN AYAT

Tiga bahagian tafsiran dibahagikan pada bahagian ini, iaitu tafsiran surah *al-Baqarah* (2: 111-113), surah *al-Baqarah* (2: 114), dan surah *al-Baqarah* (2: 115).

### SURAH AL-BAQARAH (2: 111-113)

Kekuatan dan ketinggian Islam digambarkan oleh Allah SWT dengan pembongkaran terhadap pembohongan orang Yahudi dan Nasrani dalam kitab mereka serta perselisihan antara kedua-dua penganut agama tersebut. Firman-Nya:

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرِيًّا  
تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ  
بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ

رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٣﴾ وَقَالَتِ الْيَهُودُ  
 لَيْسَتِ النَّصْرَىٰ عَلَىٰ شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصْرَىٰ لَيْسَتِ الْيَهُودُ  
 عَلَىٰ شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ ۗ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا  
 يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ ۚ فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
 فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾

Maksud: Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula, “Tidak sekali-kali akan masuk Syurga melainkan orang yang beragama Yahudi atau Nasrani.” Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah (wahai Muhammad), “Bawalah kemari keterangan yang (membuktikan kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang yang benar.” (111) (Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (112) Dan orang Yahudi berkata, “Orang Nasrani itu tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar),” dan orang Nasrani pula berkata, “Orang Yahudi tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar).” Padahal mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil). Demikian juga orang (musyrik dari kaum Jahiliyah) yang tidak berilmu pengetahuan, mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu. Maka Allah akan menghukum (mengadili) antara mereka pada hari kiamat mengenai apa yang mereka berselisihan padanya. (113)

(Surah al-Baqarah, 2: 111- 113)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/384), Allah SWT menjelaskan perihal orang Yahudi dan orang Nasrani yang teperdaya oleh apa yang mereka berada dalamnya, mengingat masing-masing pihak dari orang Yahudi dan orang Nasrani mendakwakan bahawa tidak akan masuk syurga kecuali hanya orang yang memeluk agamanya. Seperti yang diberitakan oleh Allah SWT dalam surah al-Ma'idah, memetik perkataan mereka, iaitu:

مَنْ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبُّهُ

Maksud: *Kami adalah anak Allah dan yang amat disayangi-Nya.*

(Surah al-Ma'idah, 5: 18)

Maka Allah SWT menafikan mereka melalui berita yang Dia tujukan kepada mereka, bahkan Allah SWT penegasan bahawa Dia kelak akan mengazab mereka kerana dosa mereka. Sekiranya keadaan seperti apa yang mereka dakwakan, nescaya mereka tidak akan diazab oleh Allah SWT. Perihalnya sama sahaja dengan pengakuan mereka terdahulu, iaitu mereka tidak akan disentuh oleh api neraka kecuali hanya beberapa hari yang sedikit, sesudah itu mereka pindah masuk ke dalam syurga (Jasmi, 2019a). Kemudian Allah SWT membantah pengakuan mereka itu. Hal yang sama dilakukan pula oleh Allah SWT dalam ayat ini sehubungan dengan dakwaan yang mereka lakukan tanpa dalil, tanpa hujah, dan tanpa bukti. Untuk itu Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka *sahaja*. (Surah al-Baqarah, 2: 111)

Abu al-'Aliyah, Qatadah, dan al-Rabi' bin Anas menyatakan bahawa makna ayat ini ialah cita-cita yang mereka angan-angankan terhadap Allah SWT tanpa alasan yang benar. Dalam firman selanjutnya disebutkan dengan maksud, *Katakanlah (hai Muhammad)*, "Katakanlah (wahai Muhammad), "Bawalah kemari keterangan yang (membuktikan kebenaran)

apa yang kamu katakan itu.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 111). Menurut mereka erti *burhanakum* ialah hujah (alasan) kamu, hingga kamu berani menyatakan demikian. Sedangkan menurut Qatadah maksudnya, “buktikan kamu atas hal tersebut.” Seterusnya Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Jika betul kamu orang yang benar” (111) (Surah *al-Baqarah*, 2: 111) dalam pengakuan yang kamu dakwakan itu. Kemudian Allah SWT berfirman:

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ

Maksud: *(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 112)

Dengan kata lain, barang siapa yang ikhlas dalam beramal kerana Allah SWT semata, tiada sekutu bagi-Nya. Seperti yang disebutkan dalam firman lainnya, iaitu:

فَإِنْ حَاجُّوكُمْ فَقُلْ أَسَمْتُمْ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنِ اتَّبَعَنِ وَقُلْ لِلَّذِينَ  
 أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ ءَأَسَمْتُمْ فَإِنْ أَسَمُوا فَقَدْ أَهْتَدُوا  
 وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٠﴾

Maksud: *Oleh sebab itu jika mereka berhujah (menyangkal dan membantahmu) (Wahai Muhammad), maka katakanlah, “Aku berserah diriku kepada Allah dan demikian juga orang yang mengikutku.” Dan bertanyalah (Wahai Muhammad) kepada orang (Yahudi dan*



*Nasrani) yang diberi Kitab, dan orang yang 'Ummi' (orang musyrik Arab), "Sudahkah kamu mematuhi dan menurut (agama Islam yang aku bawa itu)?" Kemudian jika mereka memeluk Islam, maka sebenarnya mereka memperoleh petunjuk; dan jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam), maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam itu). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat (tingkah laku) sekalian hamba-Nya. (20)*

(Surah Ali 'Imran, 3: 20)

Abu al-'Aliyah dan al-Rabi' menyatakan, makna *man aslama wajhahu lillah* (بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ) ialah "Barang siapa yang ikhlas kepada Allah SWT." Sa'id bin Jubair menyatakan bahawa *aslama* (أَسْلَمَ) ialah ikhlas, dan *wajhahu* (وَجْهَهُ), ertinya agamanya, iaitu barang siapa yang mengikhhlaskan agamanya kerana Allah SWT semata. *Wahuwa muhsinin* (وَهُوَ مُحْسِنٌ), ertinya mengikuti Rasulullah SAW dalam beramal. Dikatakan demikian kerana syarat bagi amal yang diterima itu ada dua, iaitu hendaknya amal perbuatan dilakukan dengan niat kerana Allah SWT semata-mata dan syarat lainnya ialah hendaklah amal tersebut benar lagi sesuai dengan tuntunan syariat, iaitu mengikuti petunjuk Rasulullah SAW. Oleh kerana itu, dikatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina 'A'ishah RA dalam salah satu sabdanya (Muslim, t.th.: 1718):

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

Maksud: *Barang siapa mengerjakan suatu amal yang bukan termasuk urusan kami, maka amal itu ditolak.*

(Muslim)

Untuk itu, amal para rahib dan orang yang seumpama dengan mereka, sekalipun amal mereka dinilai ikhlas kerana Allah SWT, tetapi amalan mereka tersebut tidak diterima oleh Allah SWT. Hal ini kerana

dasar penerimaan amalan selepas perutusan Nabi Muhammad SAW ialah dengan mengikut syariat dan cara pengamalannya. Hal ini disebabkan kerana Rasulullah SAW diutus sebagai Rasul untuk seluruh umat manusia. Oleh kerana itu, semua mereka dan orang yang seumpama mereka Allah SWT berfirman:

وَقَدْ مَنَّآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنَّ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾

Maksud: *Dan Kami tujukan perbicaraan kepada apa yang mereka kerjakan dari jenis amal (yang mereka pandang baik), lalu Kami jadikan dia terbuang sebagai debu yang berterbangan. (23).*

(Surah *al-Furqan*, 25: 23)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT juga juga menegaskan:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا

Maksud: *Dan orang yang kafir pula, amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu.*

(Surah *al-Nur*, 24: 39)

Bahkan golongan ini akan disiksa di Hari Kiamat dan di dalam Neraka sebagaimana firman Allah SWT berikut:

وَجُودُهُ يَوْمَئِذٍ خَشِيعَةٌ ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾ تَصَلَّى نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾  
تُسْقَى مِنْ عَيْنٍ آتِيَةٍ ﴿٥﴾

Maksud: Muka (orang yang kafir) pada hari itu tunduk kerana merasa hina, (2) Mereka menjalankan kerja yang berat lagi berpenat lelah, (3) Mereka tetap menderita bakaran neraka yang amat panas (membakar), - (4) Mereka diberi minum dari matair yang mengelegak panasnya. (5)

(Surah *al-Ghasyiyah*, 88: 2-5)

Amir al-Mu'minin 'Umar RA menakwilkan makna ayat ini bahawa ayat ini ditujukan kepada para rahib, iaitu orang betul-betul ikhlas beribadat, namun amalan mereka sama sekali tidak dapat menolong mereka di dalam neraka Allah SWT.

Sebaliknya pula, jika amal perbuatan yang dikerjakan oleh seseorang itu sesuai dengan tuntunan syariat dalam gambaran lahiriahnya, sedangkan niat pengamalannya tidak ikhlas kerana Allah SWT, maka amal ini pun tidak diterima di sisi Allah SWT. Yang demikian itu adalah kerana dia tergolong dalam kalangan orang yang menunjuk-nunjuk dan orang munafik sepertimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَهُوَ خَدِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ  
قَامُوا كُسَالَى يُرَاءُونَ وَالنَّاسَ لَا يَذْكُرُونَ اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٤٢﴾

Maksud: Sesungguhnya orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak solat, mereka berdiri dengan malas. Mereka

(hanya bertujuan) riak (memperlihatkan solatnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan solat) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang). (142).

(Surah *al-Nisa*, 4: 142)

Kenyataan yang sama sebagaimana firman-Nya:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ  
 ﴿٥﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ﴿٦﴾ وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ﴿٧﴾

Maksud: (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang Ahli Solat - (4) (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya; (5) (Juga bagi) orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawannya), (6) Dan orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya). (7)

(Surah *al-Ma'un*, 107: 4-7)

Selain itu, dalam firman Allah SWT yang lain disebutkan:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Maksud: Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan

*janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya.”(110)*

(Surah *al-Kahfi*, 18: 110)

Seterusnya, Allah SWT meneruskan firman-Nya:

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ

Maksud: *(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 112)

Ayat ini tidak lebih daripada penegasan Allah SWT bahawa hanya orang Islam yang menyerah sepenuhnya jiwa dan raganya untuk Allah SWT dan seterusnya mereka pula beramal soleh yang boleh selamat daripada azab-Nya dan memperoleh pahala dan ganjaran. Firman-Nya:

فَلَهُ أَجْرُهُ وَعِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

Maksud: *maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (112)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 112)

Melalui ayat ini Allah SWT menjamin bahawa mereka pasti mendapat pahala tersebut dan mengamankan mereka dari hal yang mereka takuti. Dengan kata lain, tiada kekhawatiran bagi mereka dalam menghadapi

masa mendatang, tiada pula kesedihan bagi mereka atas masa lalu mereka. Menurut Sa'id bin Jubair, *la khaufun 'alayhim* (لا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ), ertinya tiada kekhawatiran bagi mereka, iaitu di hari kemudian; *wala hum yahzanun* (لا هُمْ يَحْزَنُونَ), dan tiada pula mereka bersedih hati, iaitu tiada kesedihan atas diri mereka dalam menghadapi kematiannya.

Tafsiran seterusnya dalam firman Allah SWT:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ لَيْسَتِ النَّصْرَىٰ عَلَىٰ شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصْرَىٰ  
لَيْسَتِ الْيَهُودُ عَلَىٰ شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ<sup>ط</sup>

Maksud: *Dan orang Yahudi berkata, "Orang Nasrani itu tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)," dan orang Nasrani pula berkata, "Orang Yahudi tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)." Padahal mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 113)

Melalui ayat ini Allah SWT menjelaskan pertentangan, saling membenci, saling bermusuhan, dan saling mengingkari antara kedua belah pihak, iaitu antara kaum Yahudi dan kaum Nasrani. Kenyataan ini berdasarkan dalil athar daripada Ibn 'Abbas (Ibn Jarir, 2001: 1811; Ibn Abi Hatim, 1998: 1103):

قَدِمَ أَهْلُ نَجْرَانَ مِنَ النَّصَارَىٰ عَلَىٰ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، أَتَتْهُمْ أَحْبَارُ  
يَهُودَ، فَتَنَّا زَعَمُوا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، فَقَالَ رَافِعُ بْنُ حُرَيْمَةَ: «مَا  
أَنْتُمْ عَلَىٰ شَيْءٍ؛ وَكَفَرَ بَعِيسَىٰ ابْنِ مَرْيَمَ وَبِالْإِنْجِيلِ.» فَقَالَ رَجُلٌ

مِنْ أَهْلِ نَجْرَانَ مِنَ النَّصَارَى: «مَا أَنْتُمْ عَلَى شَيْءٍ؛ وَجَحَدَ نُبُوَّةَ  
 مُوسَى وَكَفَرَ بِالتَّوْرَةِ.» فَأَنْزَلَ اللَّهُ ﷻ فِي ذَلِكَ مِنْ قَوْلِهِمَا: «(وَقَالَتِ  
 الْيَهُودُ لَيْسَتِ النَّصَارَى عَلَى شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصَارَى لَيْسَتِ الْيَهُودُ  
 عَلَى شَيْءٍ) إِلَى قَوْلِهِ: (فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ) [البقرة، ١١٣: ٢].»

Maksud: *Tatkala datang kepada Rasulullah SAW orang Nasrani utusan penduduk negeri Najran, maka datanglah para rahib Yahudi (Madinah) menemui mereka, lalu mereka berdebat di hadapan Rasulullah SAW. Rafi' bin Harmalah (dari kalangan Yahudi) berkata, "Kamu tidak mempunyai pegangan apa pun," dan ia ingkar kepada kenabian Isa dan kitab Injilnya. Lalu salah seorang dari orang Nasrani Najran menyatakan kepada orang Yahudi, "Kamu tidak mempunyai pegangan apa pun," dan ia mengingkari kenabian Musa dan kitab Tauratnya. Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya yang bermaksud, "Dan orang Yahudi berkata, "Orang Nasrani itu tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)," dan orang Nasrani pula berkata, "Orang Yahudi tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)." Padahal mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil). Demikian juga orang (musyrik dari kaum Jahiliyah) yang tidak berilmu pengetahuan, mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu. Maka Allah akan menghukum (mengadili) antara mereka pada hari kiamat mengenai apa yang mereka berselisihan padanya. (113)" (Surah al-Baqarah, 2: 113).*

(Ibn Jarir dan Ibn Abi Hatim)

Iaitu masing-masing pihak dalam kitabnya membaca hal yang membenarkan apa yang diingkarinya. Orang Yahudi ingkar kepada kenabian Isa, padahal pada kitab Taurat mereka terdapat janji Allah SWT yang diambil dari mereka melalui lisan Nabi Musa agar mereka membenarkan Nabi Isa AS. Dalam kitab Injil terdapat keterangan yang

dibawa oleh Nabi Isa AS, yang isinya membenarkan Nabi Musa AS dan apa yang diturunkan kepadanya dari sisi Allah SWT, iaitu kitab Taurat. Akan tetapi, masing-masing pihak mengingkari keterangan yang ada dalam kitabnya masing-masing.

Mujahid menyatakan dalam kitab tafsirnya sehubungan dengan tafsir ayat ini (Surah *al-Baqarah*, 2: 113), memang pada awalnya para pendahulu orang Yahudi dan orang Nasrani mempunyai pegangan. Sayidina Qatadah menambah dengan kenyataan berhubungan dengan isu pegangan kedua-dua agama ini, “Tidak demikian, bahkan pada awalnya para pendahulu orang Nasrani dan Yahudi masing-masing pada awalnya mempunyai pegangan, tetapi pada akhirnya kedua-dua mereka mendustakan, berbuat kedustaan dan bercerai-berai.” Sayidina Qatadah dalam riwayat yang lain juga ada menyebut bahawa ayat ini (surah *al-Baqarah*, 2: 113) merujuk kepada ahli kitab yang hidup pada masa Rasulullah SAW Akan tetapi, pendapat ini memberikan kesimpulan bahawa masing-masing pihak dari kedua golongan tersebut membenarkan tuduhan yang mereka lemparkan terhadap pihak lainnya. Akan tetapi, makna lahiriah konteks ayat menyimpulkan bahawa apa yang mereka katakan itu dicela, padahal pengetahuan mereka bertentangan dengan apa yang mereka katakan. Hal ini demikian kerana itulah maka dalam firman selanjutnya disebutkan, “*Padahal mereka membaca Kitab Suci masing-masing (Taurat dan Injil).*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 113). Mereka mengetahui syariat kitab Taurat dan Injil; masing-masing kitab pernah disyariatkan kepada mereka pada suatu masa, tetapi mereka saling mengingkari apa yang ada antara mereka, iaitu antara kedua-dua belah pihak kerana keingkaran dan kekufuran mereka dan membalas kebatilan dengan kebatilan yang lain.

Seterusnya, perbincangan tafsiran firman Allah SWT pula:

كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ



Maksud: *Demikian juga orang (musyrik dari kaum Jahiliyah) yang tidak berilmu pengetahuan, mengatakan seperti yang dikatakan oleh mereka itu.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 113)

Melalui ayat ini dijelaskan kebodohan orang Yahudi dan orang Nasrani dalam ucapan yang mereka gunakan untuk saling menyerang pihak lainnya. Hal ini termasuk ke dalam pengertian isyarat yang menyindir kebodohan dan ketololan mereka.

Mengenai orang yang dimaksud dalam firman-Nya, "*Demikian juga orang (musyrik dari kaum Jahiliyah) yang tidak berilmu pengetahuan,*" (Surah *al-Baqarah*, 2: 113) masih diperselisihkan dalam kalangan Mufassirin. Untuk itu, al-Rabi' bin Anas dan Qatadah menyatakan bahawa makna firman-Nya, "Demikian juga orang (musyrik dari kaum Jahiliyah) yang tidak berilmu pengetahuan" ialah mereka akan menyatakan hal yang sama seperti yang dikatakan oleh orang Yahudi dan orang Nasrani kepada masing-masing pihak dengan pengertiannya yang menyeluruh.

Ibnu Juraij pernah bertanya kepada 'Ata', "Siapakah yang dimaksud dengan mereka yang tidak mengetahui itu?" 'Ata' menjawab bahawa mereka adalah umat sebelum adanya agama Yahudi dan Nasrani, sebelum adanya kitab Taurat dan Injil. Al-Suddi menyatakan, yang dimaksud dengan orang yang tidak mengetahui dalam ayat ini ialah orang Badwi mereka menyatakan bahawa Muhammad tidak mempunyai suatu pegangan. Sedangkan Abu Ja'far bin Jarir memilih pendapat yang menyatakan bahawa makna ayat ini bersifat umum dan pengertiannya dapat mengena kepada semua orang. Akan tetapi, memang tidak ada dalil yang tepat yang membantu salah satu dari pendapat yang dibincangkan. Sebagai kesimpulannya ialah menginterpretasikan makna ayat ini dengan semua pengertian di atas adalah hal yang lebih utama.

Sambungan perbincangan tafsiran seterusnya dalam firman Allah SWT:

فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾

Maksud: Maka Allah akan menghukum (mengadili) antara mereka pada hari kiamat mengenai apa yang mereka berselisih padanya. (113)

(Surah al-Baqarah, 2: 113)

Iaitu di hari kemudian kelak Allah SWT akan menghimpun mereka semua dan memutuskan hukum antara mereka dengan keputusan yang adil, yang tiada kezaliman, tiada penyimpangan padanya walau sekecil apa pun. Makna ayat ini sama dengan ayat lain dalam firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِغِينَ وَالنَّصَارَى  
وَالْمَجُوسَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾

Maksud: Bahawasanya orang yang beriman, dan orang Yahudi, dan orang Saabiein, dan orang Nasrani, dan orang Majusi, serta orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukumNya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu. (17)

(Surah al-Hajj, 22: 17)

Kenyataan ini semakna pula dengan firman-Nya:

قُلْ جَمَعُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْبَاطِلِ الْحَقِّ وَهُوَ الْفِتْحُ الْعَلِيمُ ﴿٢٦﴾

Maksud: *Katakanlah lagi, "Tuhan kita akan menghimpunkan Kita semua (pada hari kiamat), kemudian Ia akan menyelesaikan perselisihan yang ada antara kita dengan penyelesaian yang benar; dan Dia lah jua Hakim yang seadil-adilnya, lagi Yang Maha Mengetahui segala-galanya."* (26)

(Surah Saba', 34: 26)

Sebagai kesimpulannya, syarat utama menjadi seseorang manusia itu diterima amalnya adalah dengan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah SWT dalam beramal. Namun penyerahan yang sepenuhnya diri seorang hamba kepada-Nya tidak memadai jika mereka tidak beramal dengan kaedah dan cara yang disuruh oleh-Nya. Sudah tentu bagi umat manusia ketika dan selepas perutusan Nabi Muhammad SAW, maka mereka wajib mengikuti syariatnya tersebut bagi menjamin penerimaan amalan mereka seterusnya untuk menjadikan amalan mereka diterima dan ditimbang sebagai kebajikan di alam akhirat. Jika tidak, semua amalan mereka menjadi sia-sia.

## **SURAH AL-BAQARAH (2: 114)**

Setelah Allah SWT menjelaskan kedudukan agama Islam berbanding dengan agama Yahudi dan Nasrani, Allah SWT menjelaskan pula sikap orang kafir terhadap umat Islam sama ada dalam kalangan umat Islam pada zaman Rasulullah SAW atau umat Islam sebelum era baginda SAW. Firman-Nya:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسْجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ  
 فِي خَرَابِهَا ۗ أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ ۗ  
 لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ ۗ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Maksud: *Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid Allah untuk (solat dan) menyebut nama Allah di dalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid itu? orang yang demikian, tidak sepatunya masuk ke dalam masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar. (114)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 114)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/387) Mufassirin berbeza pendapat mengenai makna yang dimaksud dengan orang yang menghalangi manusia untuk menyebut asma Allah SWT dalam masjid Allah SWT dan mereka berusaha merosakannya. Pendapat mereka tersimpul ke dalam dua pendapat berikut:

(1) Pendapat Pertama:

- (a) Ibn ‘Abbas dan Mujahid: Mereka ialah orang Nasrani. Mereka melemparkan kotoran ke dalam Baitulmuqaddis dan menghalangi manusia untuk melakukan solat.
- (b) Qatadah: Ayat yang bermaksud *“Ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid itu.”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 114) ialah Bukhtanasar dan para prajuritnya yang pernah merosak Baitulmuqaddis dengan bantuan orang Nasrani. Qatadah juga berkata bahawa mereka adalah musuh Allah SWT, iaitu orang Nasrani. Hal ini kerana mereka terdorong oleh kebencian mereka terhadap orang Yahudi, maka mereka meminta bantuan kepada Raja Bukhtanasar dari Babil yang beragama Majusi itu untuk merosakkan Baitulmuqaddis. Al-Suddi dan al-Hasan al-Basri menambah bahawa mereka membantu Bukhtanasar merosak Baitulmuqaddis hingga benar-benar rosak, dan Bukhtanasar memerintahkan supaya bangkai dilemparkan ke dalamnya. Sesungguhnya orang Romawi mahu

membantu Bukhtanasar merosak Baitulmuqaddis kerana kaum Bani Israil membunuh Nabi Yahya bin Nabi Zakaria AS.

(2) Pendapat kedua

- (a) Ibn Zaid: Mereka adalah orang musyrik yang berusaha menghalangi Rasulullah SAW pada hari Hudaibiyah untuk memasuki kota Mekah, hingga Baginda SAW terpaksa menyembelih binatang korban di Zu Tuwa dan mengadakan perjanjian perdamaian dengan mereka, dan Baginda SAW bersabda kepada mereka (kaum musyrik), “Tiada seorang pun yang dihalang-halangi untuk memasuki Baitullah. Kalau dahulu seorang lelaki berjumpa dengan pembunuh ayahnya dan saudaranya, tetapi dia tidak berani menghalanginya (untuk memasuki Baitullah). Maka mereka menjawab, “Tidak boleh masuk ke dalam kota kami orang yang membunuh ayah kami dalam Perang Badar, sedangkan antara kami masih ada yang hidup.” Manakala firman-Nya yang bermaksud, “*Ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid itu?*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 114), Imam Ibn Jarir menyatakan, “Dikatakan demikian kerana mereka menahan orang yang meramaikan Baitullah dengan berzikir menyebut asma-Nya dan datang kepadanya untuk menunaikan ibadah haji dan umrah.”
- (b) Ibn ‘Abbas: Orang Quraisy melarang Nabi SAW melakukan solat di dekat Kaabah dalam Masjid al-Haram. Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, “Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid Allah untuk (solat dan) menyebut nama Allah SWT di dalamnya.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 114).

Akan tetapi, Imam Ibn Jarir (2001) memilih pendapat yang pertama dengan alasan bahawa orang Quraisy tidak ada yang berupaya untuk merosak Kaabah. Adapun orang Romawi, memang mereka berusaha melakukan kerosakan terhadap Baitulmuqaddis.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/387), pendapat yang lebih kuat adalah pendapat yang kedua. Pendapat yang dikatakan oleh Ibn Zaid dan riwayat yang dikemukakan dari Ibn ‘Abbas. Dikatakan demikian kerana apabila orang Nasrani menghalangi orang Yahudi melakukan solat di Baitulmuqaddis, bererti agama mereka lebih lurus daripada agama orang Yahudi, dan orang Nasrani lebih dekat (kepada kebenaran) daripada mereka (orang Yahudi). Sedangkan bila yang dimaksudkan oleh Allah SWT adalah perbuatan orang Yahudi, hal tersebut tidak dapat diterima, mengingat mereka dilaknat sebelum itu melalui lisan Nabi Daud dan Nabi Isa bin Maryam kerana perbuatan derhaka mereka, dan mereka adalah orang yang melampaui batas. Lagi pula sesudah Allah SWT mengarahkan celaan-Nya kepada sikap orang Yahudi dan orang Nasrani, maka Allah SWT mengarahkan celaan-Nya terhadap kaum musyrik, iaitu mereka yang mengusir Rasulullah SAW dan para sahabatnya dari Mekah; mereka juga menghalangi Rasul SAW dan para sahabatnya untuk melakukan solat di Masjid al-Haram.

Mengenai pegangan yang menyatakan bahawa orang Quraisy belum pernah berusaha merosak Kaabah, dapat dijawab kerosakan apa lagi yang lebih besar daripada kerosakan yang mereka lakukan? Mereka mengusir Rasulullah SAW dan para sahabatnya dari Mekah, juga menguasai Mekah dengan berhala mereka dan tandingan serta sekutu Allah SWT yang dijadikan oleh mereka sendiri, seperti yang dinyatakan oleh firman-Nya:

وَمَا لَهُمْ آلَا يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ وَهُمْ يَصُدُّونَ عَنِ الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامِ وَمَا كَانُوا أَوْلِيَاءَهُ ۗ إِنْ أَوْلِيَاؤُهُ إِلَّا الْكٰفِرُونَ  
وَلٰكِن أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾

Maksud: *Dan mengapa mereka tidak patut disiksa oleh Allah, sedang mereka menyekat (orang Islam) dari masjid al-Haram, padahal mereka*

*bukanlah orang yang berhak menguasainya (kerana mereka kafir musyrik)? Sebenarnya orang yang berhak menguasainya hanyalah orang yang bertaqwa, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahu. (34).*

(Surah *al-Anfal*, 28: 34)

Begitu juga dengan penegasan Allah SWT dalam ayat yang lain:

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ  
بِالْكُفْرِ ۚ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ  
خَالِدُونَ ﴿١٧﴾ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ  
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksud: Tidaklah layak orang kafir musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu ialah orang yang rosak binasa amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka. (17) Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk. (18)

(Surah *al-Tawbah*, 9: 17-18)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman dalam ayat yang dalam tentang perkara ini:

هُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ  
 وَالْهَدَىٰ مَعَكُوفًا أَنْ يَبْلُغَ مَحِلَّهُ ۗ وَلَوْلَا رِجَالٌ مُّؤْمِنُونَ وَنِسَاءٌ  
 مُّؤْمِنَاتٌ لَّمَّ تَعَلَّمُوهُمُ أَنْ تَطَّوَّهُمْ فِتْصِيْبِكُمْ مِنْهُمْ مَعْرَةٌ  
 بَغَيْرِ عِلْمٍ ۖ لِيَدْخُلَ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ لَوْ تَزَيَّلُوا لَعَذَّبْنَا  
 الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٢٥﴾

Maksud: Mereka itulah orang yang kafir dan menghalang kamu daripada masuk ke masjid al-Haram (Mekah al-Mukarramah) serta (menyebabkan) binatang korban (yang kamu bawa): tertahan dari sampai ke tempat sembelihannya. Dan kalaulah tidak kerana kemungkinan kamu akan melakukan pembunuhan yang tidak sengaja terhadap beberapa orang yang beriman, lelaki dan perempuan, yang ada di antara orang kafir itu, pada hal kamu tidak mengetahui mereka beriman, yang akibatnya kamu akan menanggung kesusahan dan dukacita disebabkan pembunuhan mereka, - (tentulah diizinkan kamu menyerang kaum musyrik yang mengancam kamu itu). (Tetapi tidak diizinkan) kerana Allah hendak memasukkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke dalam rahmat-Nya. Kalaulah mereka (penduduk Mekah - yang beriman dan yang musyrik) itu berpisahan (antara satu puak dengan yang lain), tentulah Kami menyiksa orang yang kafir dari mereka dengan seksa (di dunia) yang tidak terperi sakitnya. (25).

(Surah al-Fath, 48: 25)

Oleh kerana itu, Allah SWT menyebutkan dalam firman-Nya yang bermaksud, “Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari



*akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah. (Surah al-Tawbah, 9: 18)*

Apabila keadaan orang yang bersifat demikian, iaitu mereka yang disebutkan dalam ayat terakhir ini terusir dari masjid Allah SWT dan dihalang untuk mendatanginya, maka kerosakan apa lagi yang lebih besar daripada hal tersebut? Manakala makna yang dimaksudkan dengan memakmurkan masjid ialah bukan dengan menghiasinya dan menegakkan gambarnya saja, melainkan dengan melakukan zikrullah, menegakkan syariat Allah SWT, serta membersihkannya dari kotoran dan kemusyrikan di dalamnya.

Seterusnya, perbincangan tafsiran Firman Allah SWT ini pula:

أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ

Maksud: orang yang demikian, tidak sepatunya masuk ke dalam masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah (bukan secara yang mereka lakukan itu).

(Surah al-Baqarah, 2: 114)

Ungkapan ayat ini merupakan kalimat berita, tetapi makna yang terkandung adalah merupakan anjuran. Dengan kata lain, janganlah kamu biarkan mereka memasukinya jika kamu mampu, kecuali di bawah perjanjian gencatan senjata dan mahu membayar jizyah. Hal ini demikian kerana itulah ketika Rasulullah SAW membuka kota Mekah, pada tahun berikutnya, iaitu tahun kesembilan Hijrah dan baginda diperintahkan menyerukan seruan berikut ini di Mina sebagaimana yang diraiwayakan oleh Abu Hurayrah RA Imam (Al-Nasa'i, 1986: 2957):

أَلَّا لَا يَحْجَنَّ بَعْدَ الْعَامِ مُشْرِكًا، وَلَا يَطُوفَنَّ بِالْبَيْتِ عُرْيَانًا.

Maksud: *Ingatlah, tidak boleh melakukan haji sesudah tahun ini seorang musyrik pun; dan tidak boleh tawaf di Baitullah seorang pun yang telanjang.*

(Al-Nasa'i)

Hal tersebut dilakukan sesuai dengan firman Allah SWT yang menyatakan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا  
 الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid al-Haram sesudah tahun ini.*

(Surah al-Tawbah, 9: 28)

Sebagian Mufassirin menyatakan bahawa makna ayat ini ialah 'tidaklah layak bagi mereka (orang musyrik) memasuki masjid Allah SWT kecuali dalam keadaan takut terhadap kesiagaan dan kewaspadaan kaum Mukmin yang selalu mengintai akan memukul mereka, terlebih lagi bila kaum musyrik tersebut menguasai masjid Allah SWT dan melarang kaum Mukmin untuk memasukinya. Dengan kata lain, keadaan yang seharusnya tiada lain kecuali seperti itu, seandainya sahaja tiada kezaliman dari pihak orang kafir dan selain mereka.

Menurut pendapat yang lain, makna ayat ini mengandung berita gembira dari Allah SWT buat kaum Muslimin bahawa kelak kaum Muslimin akan menguasai Masjid al-Haram dan juga masjid lain. Kelak kaum musyrik akan tunduk kepada mereka sehingga tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang masuk ke dalam

Masjid al-Haram kecuali dengan rasa takut. Ia akan takut ditangkap, lalu dihukum atau dibunuh jika tidak mahu masuk Islam.

Sesungguhnya Allah SWT menunaikan janji ini seperti yang disebutkan di atas, iaitu kaum musyrik dilarang memasuki Masjid al-Haram. Dan Allah SWT memerintahkan kepada Rasul-Nya agar tidak membiarkan ada dua agama di Jazirah Arab dan hendaklah orang Yahudi dan orang Nasrani diusir. Segala puji dan anugerah adalah milik Allah SWT. Hal tersebut tiada lain kerana menghormati Masjid al-Haram dan membersihkan kawasan tersebut yang merupakan tempat kelahiran seorang rasul yang diutus oleh Allah SWT buat seluruh umat manusia dengan membawa berita gembira sebagai pemberi ingatan.

Hal tersebut merupakan kehinaan bagi kaum musyrik di dunia, kerana pembalasan itu tiada lain disesuaikan dengan jenis perbuatannya. Maka sebagaimana orang musyrik itu pernah melarang para Mukmin untuk memasuki Masjid al-Haram, kini mereka dilarang memasukinya. Sebagaimana mereka pernah mengusir para Mukmin dari Mekah, maka mereka pun harus diusir.

Seterusnya, Firman Allah SWT pula:

وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Maksud: *Dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar. (114)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 114)

Hal itu sebagai balasan atas perbuatan mereka yang berani menodai kesucian Baitullah dan menghina dengan memasang banyak berhala di sekitarnya, menyeru selain Allah SWT dalamnya, tawaf dengan telanjang bulat, dan perbuatan-perbuatan mereka yang lain yang dibenci oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.

Adapun orang yang menafsirkannya sebagai Baitulmuqaddis, hal ini bersumber dari Ka'ab al-Ahbar yang pernah menyatakan bahawa sesungguhnya orang Nasrani ketika berhasil menguasai Baitulmuqaddis, mereka melakukan kerosakan. Ketika Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW serta menurunkan firman-Nya dalam surah *al-Baqarah*, 2: 114), tiada seorang Nasrani pun di muka bumi ini yang memasuki Baitulmuqaddis kecuali dalam keadaan takut. Menurut al-Suddi, sekarang tiada seorang Romawi pun di muka bumi ini yang memasukinya kecuali dalam keadaan takut lehernya akan dipancung, atau ditakuti dengan keharusan membayar jizyah.

Qatadah berpendapat, orang Romawi tidak berani memasuki Baitulmuqaddis kecuali dengan secara sembunyi-sembunyi. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/387) penafsiran terakhir ini dapat dimasukkan ke dalam makna umum ayat ini kerana sesungguhnya ketika orang Nasrani itu berbuat kezaliman terhadap Baitulmuqaddis dengan mencemarkan Sakhras yang merupakan kiblat orang Yahudi, dalam ibadah, maka orang Nasrani tersebut memperoleh hukumannya menurut syarak dan takdir dengan mendapat kehinaan padanya, kecuali hanya dalam masa tertentu mereka dapat memasuki Baitulmuqaddis. Demikian pula halnya orang Yahudi, ketika mereka melakukan kederhakaan dalamnya yang lebih besar daripada kederhakaan orang Nasrani, mereka pun mendapat hukuman yang lebih besar. Mereka menafsirkan makna kehinaan di dunia dengan munculnya Imam Mahdi, seperti yang dikatakan oleh al-Suddi dan Ikrimah serta Wail bin Daud. Sedangkan menurut Qatadah, mereka diharuskan membayar jizyah dengan patuh pada saat mereka dalam keadaan tunduk.

Pendapat yang benar, takwil dari makna kehinaan di dunia lebih umum daripada semuanya. Diriwayatkan dalam sebuah hadis yang ada menerangkan tentang Rasulullah SAW memohon perlindungan kepada Allah SWT dari kehinaan di dunia dan siksa di akhirat, sepertimana hadis berikut (Ahmad, 2001: 17628):

عَنْ بُسْرِ بْنِ أَرْطَاةَ الْقُرَشِيِّ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ  
يَدْعُو: «اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ  
خِزْيِ الدُّنْيَا، وَعَذَابِ الْآخِرَةِ.»

Maksud: *Busr bin Artat al-Qurashiy* berkata, “Aku mendengar Rasulullah SAW berdoa, “Ya Allah, jadikanlah akibat semua urusan kami kebaikan belaka, dan lindungilah kami dari kehinaan di dunia dan siksaan di akhirat.

(Ahmad)

Ringkasnya, Rasulullah SAW mengajarkan umat Islam agar sentiasa bermohon untuk menjadi umat yang bukan sahaja terjauh daripada kehinaan di dunia bahkan yang lebih besar lagi dalam kehidupan yang kekal abadi. Semua ini hanya boleh diperoleh dalam ajaran Islam yang diajarkan baginda SAW.

## **SURAH AL-BAQARAH (2: 115)**

Setelah Allah SWT menjelaskan sikap orang kafir yang menghalang para hamba-Nya yang taat beribadat di dalam masjid al-Haram, tetapi mereka dihalang, Allah SWT menjelaskan bahawa hamba-Nya dalam kalangan Muslim ini disuruh untuk beribadah dengan mengadap Baitulmuqaddis sambil memberi tahu bahawa pada hakikatnya, di mana sahaja umat Islam disuruh mengadap ketika beribadat, arah tersebut tetap menunjuk kepada Allah SWT selaku Tuhan. Firman-Nya:

وَاللَّهُ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُولُوْا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ

عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

Maksud: *Dan Allah jualah yang memiliki Timur dan Barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi sentiasa Mengetahui. (115)*

(Surah al-Baqarah, 2: 115)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/390), Makna ayat ini adalah bertujuan untuk menghiburkan Rasulullah SAW dan para sahabat yang diusir dari Mekah dan berpisah meninggalkan masjid dan tempat solat mereka. Pada mulanya Rasulullah SAW solat di Mekah menghadap ke arah Baitulmuqaddis, sedangkan Kaabah berada di hadapan mereka. Ketika Baginda SAW tiba di Madinah, Baginda SAW masih menghadap ke arah Baitulmuqaddis selama enam belas atau tujuh belas bulan. Kemudian Allah SWT memalingkannya arah kiblat solat ke arah Kaabah. Oleh kerana itu, Allah SWT berfirman, yang bermaksud, *“Dan Allah jualah yang memiliki Timur dan Barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah.”* (Surah al-Baqarah, 2: 115)

Kenyataan ini bertepatan dengan athar yang diriwayakan oleh Ibn ‘Abbas yang menyatakan bahawa bahagian permulaan dari al-Quran yang *dimansuhkan* bagi umat Islam menurut apa yang diceritakan adalah mengenai masalah kiblat. Allah SWT berfirman, yang bermaksud, *“Dan Allah jualah yang memiliki Timur dan Barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah.”* (Surah al-Baqarah, 2: 115). Maka Rasulullah SAW menghadap ke arah Baitulmuqaddis dalam solatnya dan meninggalkan arah Baitul ‘Atiq, iaitu Kaabah,

Mekah. Kemudian Allah SWT *menasakhkan* perintah ini dan menyuruh Rasulullah SAW, para sahabat, dan umatnya untuk menghadap ke arah Baitul ‘Atiq melalui firman-Nya:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ  
وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ

Maksud: *Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan solat), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 150)

Ibn ‘Abbas menegaskan bahawa permulaan ayat al-Quran yang *dimansukhkan* adalah mengenai masalah kiblat. Hal ini terjadi ketika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah yang penduduknya antara lain adalah orang Yahudi. Maka Allah SWT memerintahkannya untuk menghadap ke arah Baitulmuqaddis (dalam solatnya), hingga orang Yahudi gembira melihat hal itu. Rasulullah SAW menghadap ke arah Baitulmuqaddis dalam solatnya selama belasan bulan, padahal Rasulullah SAW sendiri lebih menyukai kiblat Nabi Ibrahim AS, iaitu Kaabah di Mekah. Oleh kerana itu, Baginda SAW selalu menghadahkan pandangannya ke langit. Akhirnya, Allah SWT menurunkan firman-Nya yang panjang tentang harapan Nabi Muhammad SAW:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا  
فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ

فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ<sup>ط</sup> وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ  
 لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ<sup>ط</sup> وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾  
 وَلِئِنْ أَتَيْتَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ بِكُلِّ آيَةٍ مَّا تَبِعُوا  
 قِبَلَتَكَ<sup>ط</sup> وَمَا أَنْتَ بِتَابِعٍ قِبَلَتِهِمْ<sup>ط</sup> وَمَا بَعْضُهُمْ بِتَابِعٍ قِبَلَةَ  
 بَعْضٍ<sup>ط</sup> وَلِئِنْ أَتَبَعْتَ أَهْوَاءَ هُمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ  
 إِتَّكَ إِذَا لَمِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٥﴾ الَّذِينَ أَتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ  
 يَعْرِفُونَهُ<sup>ط</sup> كَمَا يَعْرِفُونَ آبَاءَهُمْ<sup>ط</sup> وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنْهُمْ  
 لَيَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤٦﴾ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَ  
 مِنَ الْمُكْتُمِينَ ﴿١٤٧﴾ وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مَوْلِيهَا فَاسْتَبِقُوا  
 الْحَيْرَاتِ<sup>ط</sup> أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا<sup>ط</sup> إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ  
 شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾ وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ  
 الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ<sup>ط</sup> وَإِنَّهُ لَلْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ<sup>ط</sup> وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا  
 تَعْمَلُونَ ﴿١٤٩﴾ وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ  
 الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ<sup>ط</sup> وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ  
 شَطْرَهُ<sup>ط</sup> لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا  
 تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِي<sup>ط</sup> وَلِأْتِيَنَّكُمْ نِعْمَتِي<sup>ط</sup> عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٠﴾



Maksud: *Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu, palingkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan. (144) Dan demi sesungguhnya! Jika engkau bawakan kepada orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab akan segala keterangan (yang menunjukkan kebenaran perintah berkiblat ke Kaabah itu), mereka tidak akan menurut kiblatmu, dan engkau pula tidak sekali-kali akan menurut kiblat mereka; dan sebahagian dari mereka juga tidak akan menurut kiblat sebahagian yang lain. Demi sesungguhnya! Kalau engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan (yang diwahyukan kepadamu), sesungguhnya engkau, jika demikian, adalah dari golongan orang yang zalim. (145) Orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Dan sesungguhnya sebahagian dari mereka berusaha menyembunyikan kebenaran itu, sedang mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian). (146) Kebenaran (yang datangnya kepadamu dan disembunyikan oleh kaum Yahudi dan Nasrani) itu (wahai Muhammad), adalah datangnya dari Tuhanmu; oleh itu jangan sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang yang ragu-ragu. (147) Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (148) Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan solat), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (Kaabah); dan sesungguhnya perintah berkiblat ke Kaabah itu adalah benar dari Tuhanmu. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan segala apa yang kamu lakukan. (149) Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan solat),*

*maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid al-Haram (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya, supaya tidak ada lagi (sebarang) alasan bagi orang (yang menyalahi kamu), kecuali orang yang zalim antara mereka (ada sahaja yang mereka jadikan alasan). Maka janganlah kamu takut kepada (cacat cela) mereka, dan takutlah kamu kepada Ku (semata-mata); dan supaya Aku sempurnakan nikmatKu kepada kamu, dan juga supaya kamu beroleh petunjuk hidayah (mengenai perkara yang benar). (150)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 144-150)

Melihat hal tersebut orang Yahudi merasa curiga, lalu mereka berkata, “Apakah gerangan yang memalingkan mereka dari kiblat Baitulmuqaddis yang pada mulanya mereka berkiblat kepada-nya?” Lalu Allah SWT menurunkan firman-Nya:

قُلْ لِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٤٤﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad), “Timur dan Barat adalah kepunyaan Allah - (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah mengadapnya, wajiblah kita mematuhi-Nya)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 142)

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999) melanjutkan huraian tafsiran ayat ini pula:

فَإِنَّمَا تَوَلَّوْا فِشْرَ وَجْهِ اللَّهِ

Maksud: *Maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 115)

Tafsiran ayat ini menurut para mufassirin adalah seperti berikut:

- (1) Ibn ‘Abbas RA: Dengan wajah Allah SWT ialah kiblat Allah SWT, iaitu ke mana pun kamu menghadap, di situlah kiblat Allah SWT, baik ke arah Timur ataupun ke arah Barat.
- (2) Mujahid: Di mana pun kamu berada, maka menghadaplah kamu ke arah kiblat yang kamu sukai, iaitu Kaabah.

Imam Ibn Jarir (2001: 2/448) menyatakan, ulama lainnya bahkan ada yang menyatakan bahawa Allah SWT menurunkan ayat ini sebelum ada kewajiban menghadap ke arah Kaabah. Sesungguhnya Allah SWT menurunkan ayat ini hanya untuk memberitahukan kepada Nabi-Nya dan para sahabatnya bahawa dalam solatnya mereka boleh menghadapkan wajah ke arah mana pun yang mereka sukai antara arah Timur dan Barat. Hal ini demikian kerana sesungguhnya tidak sekali-kali mereka menghadapkan wajahnya ke suatu arah mana pun melainkan Allah SWT berada pada arah tersebut. Tambahan pula semua arah Timur dan Barat hanyalah milik-Nya belaka; dan bahawa tiada suatu arah pun melainkan Allah SWT selalu berada padanya, seperti yang diungkapkan oleh firman-Nya:

وَلَا أَدْنَىٰ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرُ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا

Maksud: *Dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada.*

(Surah *al-Mujadilah*, 58: 7)

Mereka menyatakan bahawa sesudah itu keharusan yang ditetapkan atas mereka adalah menghadap ke arah Masjid al-Haram.

Mengenai penjelasan yang menyatakan bahawa tiada suatu tempat pun melainkan Allah SWT selalu berada padanya. Jika yang dimaksudkan adalah ilmu Allah SWT, bererti benar. Tetapi jika yang dimaksudkan adalah Zat-Nya, maka tidak benar, kerana Zat Allah SWT tidak dapat dibatasi oleh sesuatu pun dari makhluk-Nya, iaitu Allah SWT tidak memerlukan tempat. Maha Suci Allah SWT dari hal tersebut, dan Maha Tinggi Dia dengan ketinggian yang setinggi-tingginya.

Imam Ibn Jarir (2001: 2/448) menyatakan bahawa ulama lainnya menyatakan, bahkan ayat ini diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya sebagai izin dari-Nya boleh menghadap ke arah mana pun, iaitu baik ke arah Timur ataupun ke arah Barat dalam solat sunatnya; juga dalam perjalanannya, ketika perang sedang sampai pada tahap kemuncak, dan dalam keadaan yang sangat menakutkan. Oleh kerana itu satu athar ada menjelaskan (Ahmad, 2001: 5001):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ يُصَلِّي حَيْثُمَا تَوَجَّهَتْ بِهِ رَاحِلَتُهُ، وَقَدْ رَأَيْتُ  
رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَفْعَلُ ذَلِكَ، وَيَتَأَوَّلُ عَلَيْهِ: (وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ  
فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ) [البقرة، ٢: ١٤٤]

Maksud: *Ibn Umar pernah solat sunat menghadap ke arah mana unta kendaraannya menghadap dan beliau berkata, "Sesungguhnya aku melihat Rasulullah SAW pernah melakukan hal itu. Hal ini merupakan takwil ayat berikut yang bermaksud, "Maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah." (Surah al-Baqarah, 2: 114).*

(Ahmad)

Selain solat sunat seperti dalam hadis ini, solat Khauf juga diutarakan dalam hadis yang lain yang menunjukkan bahawa ketika salah Khauf ini, arah kiblat tidak lagi menjadi keutamaan. Hadis tersebut sepertimana berikut (Al-Bukhari, 2001: 4535):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، كَانَ إِذَا سُئِلَ عَنْ صَلَاةِ الْخَوْفِ قَالَ:  
 «يَتَقَدَّمُ الْإِمَامُ وَطَائِفَةٌ مِنَ النَّاسِ، فَيُصَلِّي بِهُمُ الْإِمَامُ رُكْعَةً، وَتَكُونُ  
 طَائِفَةٌ مِنْهُمْ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ الْعَدُوِّ لَمْ يُصَلُّوا، فَإِذَا صَلَّى الَّذِينَ مَعَهُ  
 رُكْعَةً، اسْتَأْخَرُوا مَكَانَ الَّذِينَ لَمْ يُصَلُّوا، وَلَا يُسَلِّمُونَ، وَيَتَقَدَّمُ  
 الَّذِينَ لَمْ يُصَلُّوا فَيُصَلُّونَ مَعَهُ رُكْعَةً، ثُمَّ يَنْصَرِفُ الْإِمَامُ وَقَدْ  
 صَلَّى رُكْعَتَيْنِ، فَيَقُومُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنَ الطَّائِفَتَيْنِ فَيُصَلُّونَ لِأَنْفُسِهِمْ  
 رُكْعَةً بَعْدَ أَنْ يَنْصَرِفَ الْإِمَامُ، فَيَكُونُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنَ الطَّائِفَتَيْنِ قَدْ  
 صَلَّى رُكْعَتَيْنِ، فَإِنْ كَانَ خَوْفٌ هُوَ أَشَدَّ مِنْ ذَلِكَ، صَلَّى رَجُلًا قِيَامًا  
 عَلَى أَقْدَامِهِمْ أَوْ رُكْبَانًا، مُسْتَقْبِلِي الْقِبْلَةِ أَوْ غَيْرَ مُسْتَقْبِلِيهَا.»

Maksud: Abdullah bin Umar RA apabila ditanya tentang solat khauf dia menjawab, “Seorang imam maju bersama sekelompok orang, lalu solat satu rakaat bersama mereka. Sedangkan sekelompok yang lain yang berada antara imam dengan musuh belum mengerjakan solat. Jika orang yang solat bersama imam selesai, mereka mundur ke tempat orang yang belum solat dan mereka belum salam. Kelompok yang belum solat maju dan solat bersama imam satu rakaat. Imam pergi dan dia solat dua rakaat. Maka semua dari dua kelompok itu berdiri dan menyempurnakan solat mereka satu rakaat, satu rakaat, setelah perangnya imam. Setiap kelompok itu menyempurnakan dua rakaat. Jika keadaan

*lebih menakutkan daripada itu, mereka solat dengan berjalan kaki atau dengan menunggangi tunggangan, baik menghadap qiblat atau tidak."*

(*Al-Bukhari*)

Imam Syafii, menurut pendapat yang masyhur darinya, tidak membezakan antara perjalanan biasa dan perjalanan untuk melakukan perang. Keduanya memang bersumber dari Ibn 'Umar. Beliau memperbolehkan solat tatawwu' di atas kenderaan dalam dua keadaan tersebut. Pendapat ini dianut oleh Imam Abu Hanifah, lain halnya dengan Imam Malik dan jemaahnya yang berpendapat berbeza. Sedangkan Abu Yusuf dan Abu Sa'id al-Astakhri memilih pendapat boleh melakukan solat sunat di atas kenderaan ketika di Mesir. Pendapat ini diriwayatkan oleh Abu Yusuf melalui Anas bin Malik RA, tetapi Imam Ibn Jarir al-Tabari memilih pendapat ini dan pendapat yang membolehkannya bagi orang yang berjalan kaki.

Imam Ibn Jarir (2001: 2/453) menyatakan bahawa ulama yang lainnya lagi menyatakan bahawa ayat ini diturunkan berkenaan dengan suatu kaum yang buta sama sekali akan arah kiblat hingga mereka tidak mengetahui mana arahnya, lalu mereka melakukan solatnya menghadap ke arah yang berbeza-beza. Maka Allah SWT berfirman, "Dan Allah jualah yang memiliki Timur dan Barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredai Allah." (Surah *al-Baqarah*, 2: 115). Hal ini sebagai pemberitahuan buat kamu bahawa solat kamu harus tetap dilangsungkan." Pandangan ini bersesuaian dengan satu athar berikut (Al-Tabrani, 1995: 460):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَامِرٍ بْنِ رَيْبَعَةَ، عَنْ أَبِيهِ قَالَ: «كُنْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي لَيْلَةٍ سَوْدَاءٍ مُظْلِمَةٍ، فَزَلْنَا مَنْزِلًا، فَجَعَلَ الرَّجُلُ يَأْخُذُ الْحِجَارَةَ،

فَيَجْمَعُهَا مَسْجِدًا فَيُصَلِّي إِلَيْهِ، فَلَمَّا أَصْبَحْنَا، إِذَا نَحْنُ عَلَى غَيْرِ الْقِبْلَةِ،  
 فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، صَلَّيْنَا لَيْلَتَنَا هَذِهِ لِعَيْرِ الْقِبْلَةِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى:  
 (وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُولُو فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ) [البقرة، ١١٥:٢].»

Maksud: *Abdullah bin Amir bin Rabi'ah*, dari ayahnya yang menceritakan, “Kami pernah bersama Rasulullah SAW di suatu malam yang gelap gulita dan kami turun istirahat di suatu tempat, lalu seseorang mulai mengambil batu-batu untuk membuat tempat sujud untuk solat. Ketika pagi harinya, ternyata jelas bagi kami bahwa kami solat bukan menghadap ke arah kiblat. Maka kami berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami tadi malam solat bukan menghadap ke arah kiblat.” Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, “Dan kepunyaan Allah-lah Timur dan Barat. Maka ke mana pun kamu menghadap, di situlah wajah Allah SWT.” (Surah al-Baqarah, 2: 115).

(Al-Tabrani)

Keadaan yang sama juga digambarkan dalam satu athar yang lain (Al-Bayhaqi, 2003: 2243):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رضي الله عنه قَالَ: «بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم سَرِيَّةً  
 كُنْتُ فِيهَا فَأَصَابَتْنَا ظُلْمَةٌ، فَلَمْ نَعْرِفِ الْقِبْلَةَ، فَقَالَتْ  
 طَائِفَةٌ مِنْهَا: الْقِبْلَةُ هَاهُنَا قِبَلَ الشَّمَالِ، فَصَلُّوا وَخَطُّوا خَطًّا،  
 وَقَالَ بَعْضُهُمْ: الْقِبْلَةُ هَاهُنَا قِبَلَ الْجَنُوبِ وَخَطُّوا خَطًّا، فَلَمَّا  
 أَصْبَحْنَا، وَطَلَعَتِ الشَّمْسُ، أَصْبَحَتْ تِلْكَ الْخُطُوطُ لِعَيْرِ

الْقِبْلَةَ، فَقَدِمْنَا مِنْ سَفَرِنَا فَاتَيْنَا النَّبِيَّ ﷺ، فَسَأَلْتَاهُ عَنْ ذَلِكَ فَسَكَتَ، وَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : (وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ) [البقرة، ١١٥: ٢].

Maksud: *Jabir bin 'Abdullah RA berkata, "Rasulullah SAW mengutus suatu pasukan yang aku termasuk salah satu anggotanya, maka kami mengalami malam yang gelap gulita hingga kami tidak mengetahui arah kiblat. Lalu segolongan orang dari kami berkata, "Sesungguhnya kami mengetahui arah kiblat mengarah ke sebelah ini, yaitu sebelah utara." Maka mereka melakukan solat dan membuat garis sebagai tandanya; ketika mereka berada di pagi hari dan matahari terbit, ternyata garis tersebut bukan menghadap ke arah kiblat. Ketika kami kembali dari perjalanan misi kami, maka kami tanyakan hal itu kepada Nabi SAW, tetapi Baginda SAW diam (tidak menjawab), dan Allah SWT menurunkan firman-Nya yang bermaksud, Dan kepunyaan Allah-lah Timur dan Barat. Maka ke mana pun kamu menghadap, di situlah wajah Allah SWT." (Surah al-Baqarah, 2: 115).*

(Al-Bayhaqi)

Hadis ini diperkukuhkan lagi dengan hadis yang lain (Al-Daruqutni, 2004: 1064; Al-Hakim, 1990: 743):

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: «كُنَّا نَصَلِّي مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي مَسِيرٍ، أَوْ سِيرٍ فَأَظْلَمْنَا عَيْمٌ، فَتَحَيْرْنَا فَاخْتَلَفْنَا فِي الْقِبْلَةِ فَصَلَّى كُلُّ وَاحِدٍ مِنَّا عَلَى حِدَةٍ، فَجَعَلَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنَّا يَحُطُّ بَيْنَ يَدَيْهِ



لِنَعْلَمَ أَمْكِنْتَنَا فَذَكَرْنَا ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَلَمْ يَأْمُرْنَا بِالْإِعَادَةِ وَقَالَ: «قَدْ أَجَزَّاتُ صَلَاتُكُمْ.»

Maksud: Jabir yang menceritakan, “Kami pernah bersama Rasulullah SAW dalam suatu perjalanan, kemudian awan menutupi (pandangan kami) hingga kami kebingungan. Maka kami berbeza pendapat dalam masalah kiblat, dan masing-masing orang dari kami melakukan solat dengan menghadap ke arahnya masing-masing, dan seseorang antara kami membuat garis di depannya sebagai tanda untuk mengetahui tempat kami menghadap. Kemudian kami ceritakan hal tersebut kepada Nabi SAW., dan ternyata beliau tidak memerintahkan kami untuk mengulangi solat kami, lalu Baginda SAW bersabda, “Solat kamu lewat”

(Al-Daruqutni dan al-Hakim)

Semua sanad yang diketengahkan ini ada terkandung sanad yang daif. Namun sebahagian darinya memperkuat sebahagian yang lain. Mengulangi solat bagi orang yang keliru sama dia menghadap atau bukan ke arah kiblat, maka masalah ini ada dua pendapat dalam kalangan para ulama.

Semua hadis yang dikemukakan merupakan dalil yang menunjukkan bahawa qadak solat itu tidak ada. (Ibn Jarir, 2001: 2/455) menyatakan, ulama lainnya menyatakan bahawa ayat ini (surah al-Baqarah ayat 115) diturunkan kerana masalah Raja Najasyi, seperti yang diceritakan dalam athar berikut (Ibn Jarir, 2001: 1844):

عَنْ قَتَادَةَ: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: «إِنَّ أَخَاكُمْ التَّجَاشِيَّ قَدْ مَاتَ فَصَلُّوا عَلَيْهِ» قَالُوا: «نُصَلِّي عَلَى رَجُلٍ لَيْسَ بِمُسْلِمٍ.» قَالَ: فَتَزَلَّتْ: (وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا

أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَاشِعِينَ لِلَّهِ) [آل عمران، ١٩٩:٣] قَالَ قَتَادَةُ: «فَقَالُوا إِنَّهُ كَانَ لَا يُصَلِّي إِلَى الْقِبْلَةِ.» فَأَنْزَلَ اللَّهُ ﷻ: (وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ) [البقرة، ١١٥:٢].

Maksud: *Qatadah* menceritakan bahawa Nabi SAW pernah bersabda, “*Sesungguhnya seorang saudara kamu meninggal dunia, maka solatkanlah dia oleh kamu.*” Mereka bertanya, “*Apakah kami akan mensolatkan seorang lelaki yang bukan Muslim?*” *Qatadah* melanjutkan riwayatnya, *bahawa sesudah itu turunlah firman-Nya, “Dan sesungguhnya antara Ahli Kitab, ada orang yang beriman kepada Allah dan (kepada) apa yang diturunkan kepada kamu (al-Quran) dan juga (kepada) apa yang diturunkan kepada mereka, sedang mereka khusyuk kepada Allah. (Surah Ali ‘Imran, 3: 199) Qatadah* melanjutkan kisahnya, *bahawa mereka menyatakan, “Sesungguhnya dia (Raja Najasyi) tidak solat menghadap ke arah kiblat.” Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, “Dan kepunyaan Allahlah Timur dan Barat. Maka ke mana pun kamu menghadap, di situlah wajah Allah SWT. (Surah al-Baqarah, 2: 115).*

(*Ibn Jarir*)

Hadis ini berstatus gharib. Menurut suatu pendapat, sesungguhnya Raja Najasyi solat menghadap ke arah Baitulmuqaddis sebelum sampai kepadanya *penasakhan* yang memerintahkan beralih menghadap ke arah Kaabah, menurut riwayat yang diketengahkan oleh Imam Al-Qurtubi (1964: 2/81) melalui *Qatadah*.

Imam Qurtubi menyebutkan pula bahawa ketika Raja Najasyi meninggal dunia, Rasulullah SAW mensolatkannya. Maka hadis ini dijadikan sebagai dalil oleh orang yang menyatakan disyariatkannya

solat ghaib. Selanjutnya Imam Qurtubi menyatakan, hal ini merupakan suatu kekhususan menurut pendapat dalam kalangan kami, dengan alasan-alasan sebagai berikut:

- (a) Rasulullah SAW menyaksikan kematiannya. Di saat Raja Najasyi meninggal dunia, maka bumi dilipat untuk Rasulullah SAW hingga Baginda SAW dapat menyaksikannya.
- (b) Ketika Raja Najasyi meninggal dunia, tiada seorang pun yang mensolatkannya di negeri tempat tinggalnya. Pendapat ini dipilih oleh Ibn al-'Arabi. Tetapi menurut Imam Qurtubi, mustahil bila ada seorang raja Muslim, sedangkan dalam kalangan kaumnya tiada seorang pun yang seagama dengannya. Ibn al-'Arabi menjawab sanggahan tersebut, barangkali dalam kalangan mereka masih belum disyariatkan solat jenazah. Jawapan ini cukup baik.
- (c) Ketiga, Nabi SAW sengaja mensolatkannya dengan maksud untuk memikat hati raja lainnya.

Selain itu, terdapat juga dalil daripada hadis bahawa antara Timur dan Barat, maka boleh dijadikan pada tengah-tengahnya sebagai kiblat untuk penduduk Madinah, Syam, dan Iraq. Hadis tersebut seperti berikut (Al-Tirmidhi, 1998: 342; Al-Nasa'i, 1986: 2243; Ibn Majah, 2009: 1011):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ  
وَالْمَغْرِبِ قِبْلَةٌ.»

Maksud: *Abu Hurairah RA., bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Antara Timur dan Barat terdapat kiblat."*

(Al-Tirmidhi, Al-Nasa'i, dan Ibn Majah)

Hadis ini ditujukan kepada penduduk Madinah, penduduk Syam, dan penduduk Iraq. Kemudian Imam al-Tirmidhi menyatakan bukan hanya seorang dalam kalangan sahabat yang mengatakan bahawa Timur dan Barat terdapat kiblat. Terdapat banyak sahabat yang mengatakan demikian *antara* mereka adalah Umar bin al-Khattab, Ali, dan Ibn ‘Abbas RA. Ibn Umar RA pernah menyatakan (Al-Tirmidhi, 1998: 1/449):

إِذَا جَعَلْتَ الْمَغْرِبَ عَنْ يَمِينِكَ وَالْمَشْرِقَ عَنْ يَسَارِكَ، فَمَا  
بَيْنَهُمَا قِبْلَةٌ، إِذَا اسْتَقْبَلْتَ الْقِبْلَةَ.

Maksud: *Apabila engkau jadikan arah Barat di sebelah kananmu dan arah Timur di sebelah kirimu, maka antara keduanya adalah arah kiblat, jika engkau hendak menghadap ke arah kiblat.*

(Al-Tirmidhi)

Imam Ibn Jarir (2001: 2/534) menyatakan, makna ayat ini (Surah *al-Baqarah* ayat 115) dapat diinterpretasikan seperti berikut, “*Ke mana pun kamu mengarahkan wajah kamu dalam doa kamu kepada-Ku, maka di situlah terdapat wajah-Ku; Aku akan memperkenankan doa yang kamu panjatkan.*” Hal ini berdasarkan athar yang diriwayatkan oleh Mujahid (Ibn Jarir, 2001: 1847):

لَمَّا نَزَلَتْ: (ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ) [غافر، ٦٠:٤٠]. قَالُوا: إِلَى  
أَيْنَ؟ فَتَزَلَتْ: (فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ) [البقرة، ١١٢:٢].

Maksud: *Ketika ayat ini diturunkan (iaitu firman-Nya) yang bremaksud, “Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya akan Kuperkenankan bagi kamu. (Surah al-Mu’min: 60). Maka mereka bertanya, “Ke arah manakah*

*kami menghadap?” Lalu turunlah firman-Nya: Maka ke arah mana pun kamu menghadap, di situlah wajah Allah SWT. (Surah al-Baqarah, 2: 115).*

*(Ibn Jarir)*

Imam Ibn Jarir (2001: 2/457) menyatakan bahawa makna firman-Nya yang bermaksud, “*Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi sentiasa Mengetahui. (115).*” (Surah al-Baqarah, 2: 115). Ertinya, “Rahmat Allah SWT mencakup semua makhluk-Nya dengan memberi mereka kecukupan, kurnia, dan anugerah dari-Nya. Firman-Nya, “*Alim*” ertinya, “Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui perbuatan mereka; tiada sesuatu pun dari amal mereka yang tidak diketahui-Nya dan tiada sesuatu pun yang menghalangi pengetahuan-Nya, bahkan Allah SWT Maha Mengetahui kesemuanya itu (baik yang lahir maupun yang batin).”

## **PENGAJARAN AYAT**

Terdapat lima pengajaran yang boleh diambil kepada umat Islam dan umat manusia, iaitu kedudukan penganut agama Yahudi, Kristian, dan Islam tentang Rasul dan hak syurga; syarat penerimaan amalan manusia dan syarat masuk ke syurga di sisi Allah SWT; permusuhan agama antara Yahudi, Nasrani, dan musyrik terhadap Islam; peraturan dalam Masjid al-Haram; serta kiblat dan hukum hakam yang berkaitan.

### **KEDUDUKAN PENGANUT AGAMA YAHUDI, KRISTIAN, DAN ISLAM TENTANG RASUL DAN HAK SYURGA**

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui dan memahami tentang sebab perselisihan antara penganut agama langit dan antara mereka dengan golongan musyrikin. Sebab utama perselisihan antara penganut agama langit, iaitu Yahudi dan Nasrani (Kristian) adalah

kerana ulama dan pengikut agama masing-masing tidak mengiktiraf Rasul yang diutus oleh Allah SWT kepada lawan pengikut mereka. Penganut Yahudi tidak mengiktiraf Nabi Isa AS sebagai Rasul yang memansuhkan syariat Nabi Musa AS. Sedangkan ulama dan pengikut Nabi Isa pula tidak mengiktiraf Nabi Musa AS sebagai Rasul utusan Allah SWT yang pernah diutuskan oleh-Nya (Ibn Jarir, 2001: 1811; Ibn Abi Hatim, 1998: 1103). Sedangkan kedua-dua penganut mempunyai Kitab panduan sebagaimana juga umat Islam mempunyai Kitab (surah *al-Baqarah*, 2: 113).

Begitu juga masing-masing dalam kalangan penganut Yahudi dan Nasrani mendakwa bahawa syurga hanya diperuntukkan kepada penganut mereka sahaja dan tidak kepada penganut yang lain yang dianggap kufur lagi kafir (surah *al-Baqarah*, 2: 111). Kekafiran berlaku kerana penganut lain tidak beriman kepada Rasul yang menjadi syariat pegangan sesuatu penganut.

Sebenarnya Allah SWT sudahpun menjelaskan golongan yang layak untuk masuk ke syurga melalui peraturan beragama yang sudah dijelaskan dalam setiap kitab termasuk juga dalam al-Quran. Formulanya sangat mudah, iaitu:

- (1) Rasul akan datang silih berganti. Ada yang membawa syariat yang baru dan ada yang hanya disuruh berpegang kepada syariat sedia ada. Rasul yang membawa syariat yang baru akan memansuhkan syariat Rasul yang lama. Jika dia membawa syariat yang baru, maka Rasul itu sendiri tidak akan selamat melainkan mengikut syariat baru yang diturunkan kepada dirinya, begitu juga umat manusia yang ada pada masa Rasul ini diutuskan akan dianggap sebagai kafir jika tidak mengikut syariat yang baru ini.
- (2) Sekalipun Rasul ini dan umatnya diperintahkan mengikut syariat yang baru, mereka juga perlu beriman dengan Nabi dan Rasul yang pernah diutuskan oleh Allah SWT sebelum mereka. Namun mereka hanya boleh beramal dengan syariat yang baru tersebut. Hal ini yang dinyatakan oleh Allah SWT sesiapa yang menyerah

diri kepada-Nya, iaitu menjadi Muslim kemudian diikuti dengan amalan yang baik. Maka semua golongan ini akan masuk ke syurga (surah *al-Baqarah*, 2: 112).

Ringkasnya, golongan Muslim ialah semua golongan yang beriman kepada Allah SWT dan Rasul yang diutus mengikut garis syariat yang diperintahkan sama sebelum Nabi Muhammad SAW atau selepas kedatangan Nabi Muhammad SAW.

Sebagai contoh, dalam kalangan kaum Bani Israil terdapat banyak Rasul yang diutuskan kepada mereka. Nabi Musa AS membawa syariat yang diikuti oleh banyak Rasul yang lain seperti Nabi Harun, Nabi Zulkefli, dan lain-lain berdasarkan Kitab Taurat. Semua golongan ini adalah Muslim. Namun, ketika Nabi Isa AS pula diutuskan menjadi Rasul kepada Bani Israil, dan beliau diturunkan kitab Injil dengan membawa syariat baru, maka seluruh pengikut Bani Israil yang enggan mengikuti Nabi Isa AS dan masih ingin berpegang teguh kepada ajaran Nabi Musa, maka golongan ini yang dipanggil kafir. Hal ini kerana ketika pengutusan ini mereka adalah wajib beriman kepada Allah SWT dan tunduk beriman kepada Nabi Isa AS serta beramal dengan cara dan pendekatannya. Perkataan tunduk beriman ini yang dimaksudkan sebagai Muslim, iaitu orang yang tunduk menyerah diri. Hal ini bermaksud, semua yang beriman kepada Allah SWT dan tunduk beriman kepada Rasul dengan syariat semasa, maka mereka ini juga dinamakan sebagai Muslim. Sedangkan semua kaum Bani Israil yang enggan tunduk beriman kepadanya dianggap sebagai kafir. Kenyataan ini yang dimaksudkan oleh Allah SWT bahawa yang masuk ke syurga hanya yang beriman dengan hati yang ikhlas kepada Allah SWT dan beramal dengan Nabi yang diutuskan kepada mereka sahaja yang layak mendapat ganjaran pahala dan masuk ke syurga (Surah *al-Baqarah*, 2: 112).

Hal yang sama juga berlaku kepada umat manusia sewaktu pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai Nabi dan Rasul. Bukti Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dengan membawa syariatnya

sendiri sudah dibuktikan sendiri oleh Allah SWT bukan sahaja dalam al-Quran. Bahkan disebutkan juga dalam Kitab Taurat dan Injil. Pembuktian al-Quran bahawa Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dengan menjadikan al-Quran kekal terpelihara sehingga ke Hari Kiamat sebagai satu bentuk Mukjizat . Tambahan pula Nabi Muhammad SAW diputuskan sebagai Nabi dan Rasul terakhir, maka mukjizat pemeliharaan al-Quran sebagai kekal terpelihara adalah wajar untuk disaksikan sendiri oleh umat manusia hingga ke Hari Kiamat. Syariat Nabi Muhammad SAW memansuhkan semua syariat nabi dan Rasul sebelum Baginda bagi keseluruhan umat manusia yang sezaman. Hal ini disebabkan Nabi Muhammad diputuskan sebagai Nabi terakhir yang bukan sahaja untuk keseluruhan umat manusia, tetapi juga diutuskan dalam kalangan jin.

## **SYARAT PENERIMAAN AMALAN MANUSIA DAN SYARAT MASUK KE SYURGA DI SISI ALLAH SWT**

Umat manusia perlu mengetahui dan memahami penegasan Allah SWT untuk seseorang diterima amalan mereka di alam akhirat seterusnya masuk ke syurga Allah SWT yang kekal abadi pada era pengutusan Nabi Muhammad SAW adalah terdiri daripada dua rukun yang penting, iaitu:

- (1) Pengabdian yang ikhlas kepada kepada Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 112)
- (2) Beribadat dan beramal soleh mengikut syariat Nabi Muhammad SAW (surah *Ali 'Imran*, 3: 20; surah *al-Baqarah*, 2: 112).

Allah SWT menafikan bahawa syurga hanya diperuntukan hanya kepada pengikut Yahudi sahaja atau pengikut Nasrani sahaja (surah *al-Baqarah*, 2: 111) dan apa yang mereka anggap bahawa mereka adalah seperti anak-Nya dan golongan yang dikasihi-Nya juga tidak berdasarkan hujah yang nyata (surah *al-Ma'idah*, 5: 18; Ibn al-Kathir,



1999: 1/384). Sedangkan apa dibuatkan ini tidak mempunyai dalil dan bukti yang nyata (Ibn al-Kathir, 1999: 1/384). Bahkan Allah SWT menegaskan bahawa syurga untuk sesiapa yang menjadi Muslim, iaitu yang menyerah diri sepenuhnya kepada agama yang diturunkan mengikut syariat yang terkini yang diturunkan oleh Allah SWT (Surah *al-Baqarah*, 2: 112). Oleh kerana Nabi Muhammad sudah diisytiharkan sebagai Rasul yang terakhir, maka syariat Baginda memansuhkan semua syariat sebelum Baginda. Pada tahap ini, mana-mana umat manusia yang mengabdikan diri mereka kepada Allah SWT walaupun dengan sepenuh hati seperti golongan rahib, tetapi tidak berpegang kepada syariat Baginda, maka mereka tergolong dalam golongan orang yang kafir. Amalan mereka menjadi sia-sia, tertolak, dan tidak akan ditimbang sebagai pahala dan kebajikan, dan akhirnya mereka dihumbankan ke dalam neraka (Surah *al-Ghasyiyah*, 88: 2-5) kerana tidak memiliki keimanan (Muslim, t.th.: 1718) dan tidak memiliki kebajikan (Muslim, t.th.: 1718; surah *al-Furqan*, 25: 23; surah *al-Nur*, 24: 39).

Dalam pada itu bagi golongan Muslim pula, sekiranya mereka beramal tidak ikhlas kerana Allah SWT sebagaimana kelakuan orang munafik yang hanya beribadat di hadapan manusia (Surah *al-Nisa*, 4: 142), mereka juga akan binasa (Surah *al-Ma'un*, 107: 4-7). Hanya yang benar-benar beriman kepada Allah SWT serta tidak mensyirikkan-Nya dan berharap bertemu dengan Allah SWT dalam keredaan dan dalam masa yang sama melakukan kebajikan sepertimana cara dan metode yang diperintahkan, maka merekalah yang dijanjikan dengan kebajikan pahala dan syurga (surah *al-Kahfi*, 18: 110) dan mereka juga sama sekali tidak perlu bimbang dan berdukacita ketika mati dan ketika berada dalam alam akhirat (Surah *al-Baqarah*, 2: 112).

Berdasarkan perbincangan tafsir juga bahawa golongan pengikut agama Yahudi, Nasrani, dan Musyrik yang tidak mahu beriman kepada Nabi Muhammad SAW dan agama yang dibawanya yang berupa agama Islam akan dimasukkan ke dalam neraka kerana tergolong dalam golongan kafir (surah *al-Ghasyiyah*, 88: 2-5; surah *al-Furqan*, 25: 23;

surah *Ali 'Imran*, 3: 20). Namun, kedudukan mereka dalam neraka pula sama ada pada tahap tinggi atau rendah adalah juga berdasarkan tahap kejahatan mereka. Semua amalan kebajikan mereka menjadi sia-sia disebabkan kekufuran mereka dan tidak ditimbang sebagai kebajikan (surah *al-Nur*, 24: 39; Muslim, t.th.: 1718). Sedangkan kejahatan mereka pula menjadi kayu pengukur tahap mereka di dalam neraka. Sebagai contoh orang kafir yang menghalang umat Islam daripada melakukan ibadat khususnya di masjid merupakan golongan yang dijanjikan dengan azab yang lebih pedih berbanding yang tidak menghalang mereka. Daripada ketiga-tiga golongan ini pula, golongan musyrik pula paling banyak menghalang dan memusuhi umat Islam sebagaimana yang dihadapi oleh Rasulullah SAW dan para sahabat terhadap golongan kafir ini (surah *al-Baqarah*, 2: 114; Surah *al-Anfal*, 28: 34).

## **PERMUSUHAN AGAMA ANTARA YAHUDI, NASRANI, DAN MUSYRIK TERHADAP ISLAM**

Umat Islam wajar memahami tentang permusuhan kaum Yahudi dan Nasrani terhadap Islam (Jasmi, 2019b). Dalam masa yang sama antara kedua-dua kaum Yahudi dan Nasrani pula mereka saling bermusuhan dan saling tuduh menuduh tentang kebenaran agama antara mereka. Namun begitu, kaum musyrik merupakan golongan yang paling banyak memusuhi agama Islam sebagaimana yang berlaku kepada baginda Nabi SAW di Mekah dan Madinah.

Sejarah awal menurut al-Quran tidaklah sehingga berlaku halangan kaum Yahudi terhadap umat Islam daripada beribadah di Masjid sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Musyrik terhadap Islam sama ada sebelum era Nabi Muhammad SAW dan ketika era Nabi Muhammad SAW (surah *al-Baqarah*, 2: 113) dari segi menyekat orang Islam daripada melakukan ibadah khususnya umrah (surah *al-Anfal*, 28: 34).

## PERATURAN DALAM MASJID AL-HARAM

Umat Islam dan non Muslim wajar mengetahui dan memahami serta mengaplikasikan peraturan dalam Masjid al-Haram, iaitu:

- (1) Orang bukan Islam tidak dibenarkan untuk masuk ke Tanah Haram Mekah sejak pembukaan Mekah. Hal ini disebabkan tubuh mereka yang dianggap najis (surah *al-Tawbah*, 9: 17-18; surah *al-Tawbah*, 9: 28).
- (2) Orang Musyrik tidak dibenarkan untuk melaksanakan haji apatah lagi jika dilakukan dengan cara yang salah seperti bertawaf dengan bertelanjang (Al-Nasa'i, 1986: 2957).

Hukum ini tidak terikat kepada masjid yang lain berdasarkan dalil hanya khusus ditujukan kepada Masjid al-Haram di Mekah.

## KIBLAT DAN HUKUM HAKAM YANG BERKAITAN

Pada asalnya umat Islam menjadikan Masjid al-Aqsa sebagai kiblat mereka sebaik sahaja mereka berhijrah ke Madinah. Arah ini sebenarnya bagi menepati ramalan yang terdapat dalam Kitab Taurat dan Injil bahawa pada asalnya mereka berkiblatkan arah ke Baitulmuqaddis selama 16-17 bulan sebelum mereka berkiblatkan Kaabah dan Mekah dalam solat umat Islam (Ibn al-Kathir, 1999: 1/390; Surah *al-Baqarah*, 2: 144). Pada sisi Allah SWT, arah kiblat ini dan pensyariatannya tidak penting kerana apa yang penting ialah para hamba-Nya menyembahnya (surah *al-Baqarah*, 2: 115). Pada tempoh ini, Nabi SAW selalu mengadap mukanya ke langit bermohon agar dipindahkan arah kiblat daripada Baitulmuqaddis ke Kaabah, Mekah (surah *al-Baqarah*, 2: 144-150).

Kemudian datang perintah Allah SWT yang memerintahkan agar mereka bersolat dengan mengadap ke arah Kaabah dan Mekah sebagai satu bentuk kesatuan bagi ajaran bagi umat Islam (surah *al-Baqarah*, 2: 150). Kiblat ini merupakan syariat pertama yang dimansuhkan dalam Islam pada era kenabian Nabi Muhamad SAW.

Umat Islam yang bersolat wajib ketika aman menghadap ke arah Kaabah, Masjid al-Haram di Mekah jika mereka mengetahui arah tersebut (surah al-Baqarah, 2: 144-150). Namun jika mereka tidak tahu dengan tepat, maka mereka boleh menghadap di mana sahaja yang dirasakan betul kerana pada ketika ini kewajipan menghadap arah Mekah diangkat kerana berada dalam keadaan hilang arah (surah *al-Baqarah*, 2: 115; Ibn Jarir, 2001: 2/453; Al-Tabrani, 1995: 460; Al-Bayhaqi, 2003: 2243; Al-Daruqutni, 2004: 1064; Al-Hakim, 1990: 743). Namun, ketika dalam keadaan tidak aman seperti dalam peperangan, iaitu solat Khauf, arah kiblat ini tidak lagi diwajibkan, tetapi mengikut arah musuh mereka yang sedang diperangi (Al-Bukhari, 2001: 4535).

Manakala solat sunat (Surah al-Mujadilah, 58: 7; Ibn Jarir, 2001: 2/448; Ahmad, 2001: 5001) atau ketika meraka berdoa (Ibn Jarir, 2001: 1847), mereka boleh menghadap ke arah mana yang mereka suka kerana bagi Allah SWT tidak kira arah Timur atau Barat atau di mana sahaja arahnya untuk beribadah kepada Allah SWT, maka arah tersebut tetap tertuju kepa Allah SWT (Surah *al-Mujadilah*, 58: 7; Ibn Jarir, 2001: 2/448; Ahmad, 2001: 5001).

## RUMUSAN

Tulisan ini berjaya mengupasa secara mendalam tiga kumpulan ayat, iaitu tafsiran surah *al-Baqarah* (2: 111-113), surah *al-Baqarah* (2: 114), dan surah *al-Baqarah* (2: 115). Pada bahagian akhir daripada perbincangan terdapat lima pengajaran diambil daripada pembincangan tafsir yang secara ringkasnya menfokuskan pengajaran tentang kedudukan agama langit di dunia, syarat penerimaan amalan, permusuhan agama, peraturan di Masjid al-Haram, serta hukum hakam berkaitan dengan kiblat.

## RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih* – *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Daruqutni, Abu al-Hasan 'Ali. 2004. *Sunan al-Daruqutni*. Shu'aib Al-Arna'ut, Hasan 'Abd al-Mun'im Shalbi, 'Abd al-Latif Hirzullah, & Ahmad Barhum (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an: Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atfish (Ed.). Jld. 1-20. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Mesriyyah.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.

- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Kertas Kerja dalam Siri 22: Program Budaya al-Quran, 28hb Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Kertas Kerja dalam Siri 23: Program Budaya al-Quran, 4hb April 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Beradab kepada Nabi Muhammad SAW: Surah al-Baqarah (2: 104-110)*. Jld. 19. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani: Surah al-Baqarah (2: 111-115)*. Jld. 20. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.





## INDEKS

- agama, 1, 2, 4, 5, 7, 10, 11,  
13, 14, 16, 18, 20, 25, 45,  
48, 49, 50, 53
- Ahmad*, 27, 28, 35, 52, 54
- al-Anfal*, 21, 50
- al-Baqarah*, 3, 4, 5, 6, 7, 12,  
13, 14, 15, 16, 18, 19, 20,  
24, 26, 28, 29, 30, 33, 35,  
37, 38, 39, 40, 41, 43, 44,  
45, 46, 47, 48, 49, 50, 51,  
53, 55
- Al-Bayhaqi*, 38, 39, 51, 54
- Al-Bukhari*, 35, 36, 51, 54
- Al-Daruqutni*, 39, 40, 51, 54
- al-Fath*, 23
- al-Furqan*, 9, 49
- al-Ghasyiyah*, 10, 49
- al-Hajj*, 17
- al-Hakim*, 40, 54
- Ali 'Imran*, 8, 41, 48, 49
- al-Kahfi*, 11, 49
- Allah SWT, 1, 4, 5, 6, 7, 8, 9,  
10, 11, 12, 13, 14, 15, 16,  
18, 19, 20, 21, 22, 23, 24,  
25, 26, 27, 28, 29, 30, 33,  
34, 35, 37, 38, 39, 41, 43,  
44, 45, 46, 47, 48, 49, 51,  
52
- al-Ma'un*, 11, 49
- al-Ma'idah*, 6, 48
- al-Mujadilah*, 34, 52
- Al-Nasa'i*, 24, 42, 50, 54
- al-Nisa*, 10, 49
- al-Nur*, 9, 49
- al-Quran, 61
- Al-Tabrani*, 37, 38, 51, 54
- al-Tawbah*, 22, 23, 25, 50
- Al-Tirmidhi*, 42, 43, 55
- Ibn Abi Hatim*, 13, 14, 45, 55
- Ibn Jarir*, 13, 14, 20, 34, 35,  
37, 40, 41, 43, 45, 51, 52,  
55
- Ibn Majah*, 42, 55
- Injil, 2, 5, 13, 14, 15, 16, 47,  
51
- Islam, 1, 4, 7, 12, 18, 21, 25,  
28, 29, 45, 49, 50, 51, 55,  
61
- Jahiliyah, 2, 5, 14, 15, 16
- Kiamat, 1, 9, 47

kiblat, 1, 3, 27, 28, 29, 30,  
 31, 33, 34, 35, 37, 38, 39,  
 40, 41, 42, 43, 45, 51, 53  
 masjid, 2, 18, 19, 20, 21, 22,  
 23, 24, 25, 28, 29, 31, 49,  
 51  
*Muslim*, 8, 28, 41, 42, 46, 48,  
 49, 50, 56, 61  
 musyrik, 2, 5, 7, 14, 15, 16,  
 19, 21, 22, 23, 24, 25, 26,  
 45, 49, 50  
 Nabi Muhammad SAW, 1, 8,  
 18, 26, 30, 46, 47, 48, 49,  
 50, 55

Nasrani, 1, 2, 4, 5, 7, 13, 14,  
 15, 16, 17, 18, 19, 20, 26,  
 27, 31, 45, 48, 49, 50, 55  
*Saba'*, 17  
 Taurat, 2, 5, 13, 14, 15, 16,  
 46, 47, 51, 55  
 wahyu, 1  
 Yahudi, 1, 2, 4, 5, 7, 13, 14,  
 15, 16, 17, 18, 19, 20, 26,  
 27, 30, 31, 33, 45, 48, 49,  
 50, 55

## BIODATA PENULIS

**Kamarul Azmi bin Jasmi** menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016), *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia* (2019), *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi* (2021) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran**  
**Siri 20**  
**Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani**  
**Surah *al-Baqarah* (2: 111-115)**

*Ketinggian Islam Berbanding Agama Yahudi dan Nasrani, Surah al-Baqarah (2: 111-115), Siri 20* merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT menafikan bahawa syurga adalah untuk orang yang beragama Yahudi dan Nasrani, tetapi untuk semua orang Islam yang beriman dengan Nabi dan Rasul yang diutuskan oleh-Nya selagi tidak tidak mansuhkan. Dalam pada itu mereka juga beramal soleh dengan ikhlas kerana-Nya. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 111-115) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima pengajaran penting yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran, iaitu kedudukan penganut agama Yahudi, Kristian, dan Islam tentang Rasul dan hak syurga; syarat penerimaan amalan manusia dan syarat masuk ke syurga di sisi Allah SWT; permusuhan agama antara Yahudi, Nasrani, dan musyrik terhadap Islam; peraturan dalam Masjid al-Haram; serta kiblat dan hukum hakam yang berkaitan.



ISBN 978-967-2171-88-1

